

0616

U 6860 AAB  
MAHATHIR - NIC  
(1)

KUALA LUMPUR, 7 OGOS (BERNAMA) -- NEGARA-NEGARA YANG DIGELAR NEGARA PERINDUSTRIAN BARU (NIC) MENGHADAPI KEMUNGKINAN PENGURANGAN DAYA SAINGAN DAN PELUANG UNTUK MENEMBUSI PASARAN, DAN LAMA-KELAMAAN AKAN LENYAP DAN TIDAK MUNGKIN MENCAPAI KEMAJUAN SEPENUHNYA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAU BERKATA GELARAN NEGARA PERINDUSTRIAN BARU MERUPAKAN SATU MUSLIHAT UNTUK MEMBANTUT PERTUMBUHAN NEGARA-NEGARA ITU DAN MEMAKSA MEREKA SUPAYA MEMIKUL BEBAN MEMBANTU NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN PULA.

KETIKA MENGGARISKAN SEBAB-SEBAB MENGAPA MALAYSIA TIDAK BERHASRAT UNTUK MENDAPAT GELARAN ITU KETIKA MERASMIKAN SATU KONVENSYEN EKONOMI DI SINI, PERDANAMENTERI BERKATA APABILA PANGGILAN ITU MULA-MULA DIGUNAKAN OLEH MEDIA MASSA BARAT, IA DIANGGAPKAN SEBAGAI SATU PUJIAN DAN BOLEH DIKATAKAN SEBAGAI PERANGSANG KEPADA NEGARA KURANG MAJU.

+TETAPI SELEPAS ITU KUMPULAN TUJUH BUAH NEGARA MAJU TERUS BERPEGANG KEPADA PANGGILAN ITU SEBAGAI HELAH UNTUK MENUTUP PELUANG NEGARA-NEGARA LAIN DENGAN APA CARA SEKALIPUN.+ KATANYA.

BELIAU BERKATA KEMUNCULAN NEGARA JEPUN MENGEJUTKAN NEGARA-NEGARA KAYADANKINI MEREKA TIDAK LAGI MEMBIARKAN NEGARA-NEGARA LAIN PULA MENGATASI MEREKA. -- LAGI.

1623MST 07 08 89

U B861 AAB  
MAHATHIR - NIC 2 KUALA LUMPUR  
(1)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MANA-MENA NEGARA YANG DIGOLONGKAN SEBAGAI NEGARA PERINDUSTRIAN BARU AKAN DITARIK BALIK KEISTIMEWAAN YANG DIPEROLEHI MELALUI SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) DAN DIKENAKAN KUOTA EKSPORT KE ATAS BARANGAN MEREKA SEMENTARA NILAI WANG MEREKA AKAN DINAIKKAN SERTA REKOD HAK-HAK KEMANUSIAAN MEREKA DITELITI.

MENURUTNYA, MALAYSIA SUATU HARI NANTI TETAP AKAN MENCAPAI TAHAP KEMAJUANSAMA SEPERTI APAYANG DIPANGGIL SEBAGAI NEGARA PERINDUSTRIAN BARU.

+TETAPI KITA TIDAK PERLU KEPADA GELARAN ITU DAN TIDAK PUN PERLU DIPANGGIL BEGITU DAN JUGA TIDAK HARUS DITEKAN KERANA SEMUA NEGARA BEBAS UNTUK MAJU DARIPADA SEGI EKONOMI DAN MENJADI KAYA SEPERTI NEGARA TERKAYA ATAU LEBIH KAYA DARI ITU.+

BELIAU BERKATA MALAYSIA TELAH DIUNDANG MENYERTAI PERSIDANGAN NEGARA PERINDUSTRIAN BARU, NEGARA YANG HAMPPIR MENJADI NIC DAN NEGARA MAJU TETAPI MENOLAK UNDANGAN ITU KERANA +KITA NAMPAK TINDAKAN ITU SEBAGAI SATU USAHA UNTUK MENYENARAI DAN MENGHUKUM KITA KERANA PRESTASI EKONOMI KITA YANG BAIK D-AN SETERUSNYA MEMBANTUT KEMAJUAN KITA.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERTANYA MENGAPA SEKARANG ADA GELARAN DAN PANGGILAN SEPERTI ITU KEPAOA NEGARA-NEGARA SEDANG MAJU SEDANGKAN SEMASA NEGARA-NEGARA MAJU SEKARANG SEDANG DALAM PROSES HENDAK MENCAPAI TAHAP ITU TIADA SIAPA PUN MENGGELARKAN MEREKA DENGAN GELARAN ITU ATAU MENGHALANG MEREKA. -- LAGI.

1628MST 07 08 89